

## Unsur Perlambangan Perkakas Usungan Kedatuan Bangso Sama di Kota Belud: Pertimbangan di Sebalik Estetika Transendental

DAYANG NADIA MAWI (Pengarang koresponden)

*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF)*

*Universiti Malaysia Sabah*

*Sabah, Malaysia*

*nadia\_mawi@yahoo.com*

ZAIMIE SAHIBIL

*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF)*

*Universiti Malaysia Sabah*

*Sabah, Malaysia*

*affymie@ums.edu.my*

### ABSTRAK

*Artikel ini mendokumentasikan komponen perkakas Usungan Kedatuan Bangso Sama di Kota Belud yang digambarkan secara visual melalui aspek estetika transendental. Estetika transendental merangkumi komponen yang memiliki makna dan fungsi di sebalik konsep keindahan yang dipamerkan. Usungan Kedatuan dilengkapi lima jenis perkakas budaya, antaranya sempangan, sumbulayang, payung pejutai, bendera/kipas pacak dan kerusi yang menjadi simbol perlambangan khususnya bagi adat kedatuan dalam komuniti bangso sama atau dikenali sebagai masyarakat Bajau Sama di Kota Belud. Unsur perlambangan di sebalik komponen perkakas usungan adalah berpandukan aspek estetik yang bersifat transendental dan memenuhi keperluan aktiviti harian masyarakat. Penilaian di sebalik estetika bersifat transenden menyenaraikan sebanyak tiga peringkat penilaian, antaranya pengalaman, dasar pemikiran dan etika yang berlaku dalam masyarakat Bajau Sama sekali gus menepati peringkat pertimbangan yang berlaku dalam komponen daya fikir. Justeru, unsur perlambangan ialah gambaran sebuah keperluan yang dikembangkan melalui daya pemikiran bersifat transenden.*

*Kata Kunci: Usungan Kedatuan, Estetika Transendental, Unsur Perlambangan, Perkakas Usungan*

To cite this article: Mawi, D. N., & Sahibil, Z. (2023). Unsur Perlambangan Perkakas Usungan Kedatuan Bangso Sama di Kota Belud: Pertimbangan di Sebalik Estetika Transendental. *International Journal of Language, Literacy and Translation* 6(1), 76-89. <https://doi.org/10.36777/ijollt2023.6.1.065>

To link to this article: <https://doi.org/10.36777/ijollt2023.6.1.065>

Received: 16 November 2022

Accepted: 19 March 2023

Published Online: 31 March 2023


This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

## PENGENALAN

*Usungan* atau *usungan kedatuan* merupakan istilah mewakili bahasa Bajau Sama yang merujuk objek warisan budaya dan menjadi simbol penghormatan khususnya bagi golongan yang memiliki keturunan bangsawan atau *kedatuan*. Perkahwinan golongan diraja dengan orang kebanyakan menghasilkan istilah *kedatuan* atau *datu* sebagai golongan yang berdarah bangsawan. Manakala istilah *bangso sama* atau bangsa sama pula ialah masyarakat Bajau Sama di Kota Belud sebelum dibajaukan secara rasmi. Kajian tertumpu pada masyarakat Bajau Sama memandangkan banyak adat tradisi yang bercampur-baur dengan ajaran Islam dan sebelum mengamalkan ajaran Islam (Syamsul & Mohd Anuar, 2017). Penggunaan *usungan* selari dengan *adat kedatuan* terutamanya dalam majlis keramaian atau perkahwinan *bangso sama*. Umumnya, penampilan yang melengkapi *Usungan Kedatuan Bangso Sama* ialah berdasarkan kelengkapan perkakas budayanya. Unsur perlambangan dalam objek budaya dipamerkan melalui keindahan estetik serta fungsinya di sebalik persembahan visual dan budaya.

### Rajah 1

*Ilustrasi Usungan Kedatuan Bangso Sama, Kota Belud*



Ciri-ciri khusus komponen estetik *usungan kedatuan* bertujuan untuk memelihara kemakmuran *adat kedatuan bangso sama* sekali gus memartabatkan produk kesenian sejagat. Berdasarkan Rajah 1, ilustrasi seni pembuatan *Usungan Kedatuan Bangso Sama* menampilkan komponen perkakas objek warisan budaya seperti *sempangan*, *sumbulayang*, *payung pejuntai*, *bendira/kipas pacak* dan *kerusi usungan*. Setiap komponen perkakas *usungan kedatuan* memiliki keagungan seni tradisi pembuatan dengan reka bentuk dan hiasan yang bersifat tradisional. Seni pembuatan rangka *usungan kedatuan* diinspirasi melalui reka bentuk perahu atau bahtera. Rangka *usungan kedatuan* diperbuat daripada pokok buluh ataupun kayu yang dirangka khas dan diikat membentuk seperti sebuah perahu. Penggunaan buluh sebagai material asas pembuatan *usungan* memudahkan proses membuat rangka kerana bersifat mudah lentur dan lebih kukuh. Namun begitu, pembuatan rangka *usungan* juga boleh menggunakan pelbagai jenis kayu selain buluh. Tertib pemasangan *usungan* bermula dengan membentuk rangka diikuti komponen luaran seperti *sempangan* yang dipasang mengelilingi rangka asas *usungan*. *Sempangan* merupakan sebidang kain yang terhasil melalui sambungan perca kain dengan warna yang berbeza. Lazimnya, prinsip rekaan pada permukaan kain *sempangan* terdiri daripada dua jenis rupa masing-masing bercorak geometri dan organik. Seterusnya ialah pemasangan *kipas pacak* di setiap penjuru *usungan*. Komponen luar yang ketiga ialah

*sambulayang* sebagai kepala *usungan* yang dipasangkan pada bahagian paling hadapan *usungan*. Sesuai dengan ketinggian, *sambulayang* berbentuk seperti bendera melambangkan keturunan dan pangkat dalam budaya sebagaimana imej perlambangan yang dipaparkan pada permukaan kain bendera. Komponen terakhir dikenali sebagai *payung pejuntai*. Perbezaan pada *payung pejuntai* dan *ubur-ubur* tertumpu pada bahagian bilahan kain yang dilepaskan atau berjuntai mengelilingi payung. Ringkasnya, *payung pejuntai* mempunyai tirai manakala *payung ubur-ubur* tidak bertirai dan masing-masing dihiasi corak dan motif Bajau Sama. Penggunaan payung pejuntai diwajibkan dalam adat kedatuan. Ringkasnya, penggunaan perkakas budaya ini secara tidak langsung membentuk komunikasi bukan verbal (*non-verbal*) kerana pemerhatian secara visual mampu menginterpretasikan matlamat mengikut pemahaman bersifat nyata melalui unsur perlambangan yang dipamerkan. Oleh itu, unsur perlambangan dan pendokumentasian komponen perkakas *usungan* yang dijelaskan mengikut pendekatan transendental seterusnya berupaya menzahirkan budaya *usungan kedatuan* sebagai objek warisan budaya seiring ontologi pemikiran manusia.

## KAJIAN LITERATUR ESTETIKA TRANSENDENTAL

Pemahaman secara teoritikal terhadap pembuatan objek warisan budaya *Usungan* adalah bergantung pada pembahagian skop penilaian transendensi estetik seni visual. Sesuatu yang bersifat transenden dalam pengertian falsafah merupakan konsep asas yang bersifat melangkaui pemikiran selain berbeza dalam aspek budaya dan sejarahnya. Manakala makna transendental berasal dari pemikiran skolastik iaitu menyatakan sifat sesuatu perkara atau objek mengikut kategori. Istilah baharu berkaitan transendental wujud dalam sebuah falsafah moden yang bermaksud pengetahuan bersifat kognitif berkenaan kajian terhadap sesuatu objek. Antara pertimbangan transendensi estetik seni visual ialah estetik transendental yang dianalisis berdasarkan komponen daya fikir di sebalik pembuatan *Usungan kedatuan*. Representasi terhadap objek yang menggunakan estetik transendental mengandungi tiga komponen penilaian iaitu pengalaman, dasar pemikiran dan etika. Pengetahuan yang ditonjolkan melalui objek *Usungan Kedatuan* merupakan penelitian terhadap salah satu kategori transendental yang tersenarai dalam struktur *priori* sebagai syarat untuk mewujudkan sebuah pengetahuan. Pengetahuan yang dimaksudkan dalam pemahaman transendental wujud berdasarkan ilmu pengetahuan dan daya fikir manusia.

Untuk mempertimbangkan prinsip transendental budaya, pertimbangan estetika transendental digunakan ke atas objek warisan budaya *Usungan Kedatuan* mengikut cara dan analisis teori Emmanuel Kant dengan membahagikan tiga prinsip asas iaitu etika, pengalaman dan daya Fikir. Setiap kategori menghasilkan dapatan unsur perlambangan. Muhammad Budi Santoso & Mohammad Syam'un Salim (2018) menekankan pendekatan prinsip transendental turut digambarkan dalam karya seni visual dan pemerhatian terhadap olahan artistik ialah pengalaman intuisi yang bersifat transenden. Justeru, pertimbangan yang disarankan oleh Kant digunakan untuk meneliti aspek transendental yang dipaparkan melalui unsur perlambangan objek warisan budaya. Setiap elemen unsur perlambangan ialah jawapan berbentuk transendental yang kelak disebut sebagai Perlambangan Transendental. Justeru, perlambangan transendental diterjemahkan ke dalam bentuk perlambangan visual yang berbentuk nyata. Berdasarkan pemikiran Kant, sekiranya konsep dianggap sebagai *priori* maka setiap objektif nyata hanya

boleh dipertimbangkan melalui makna *priori* itu sahaja. Hakikatnya, definisi Kant terhadap konsep *priori* ialah seperti berikut:

*In whatever manner and by whatever means a mode of knowledge may relate to objects, intuition is that through which it is in immediate relation to them.*  
(A19/B33)

Sesuai dengan revolusi pemikiran Kant, Estetika Transendental merujuk kepada pengetahuan yang berpunca daripada subjek terlebih dahulu. Kepelbagaian makna dan disiplin yang disebutkan sebagai pengetahuan tentang sesuatu objek secara tidak langsung berkait antara satu sama lain. Estetika Transendental adalah cara mengenal pasti bentuk persepsi yang diperlukan untuk mengidentifikasikan *priori* konsep pengetahuan mewakili ruang dan waktu. Proses secara diskursif berkaitan konsep ruang dan waktu bertujuan untuk mendalami *priori* terhadap pengetahuan yang digunakan dalam asas untuk mewujudkan pengetahuan menjadi bentuk nyata. Sesuai dengan revolusi pemikiran Emmanuel Kant (1724-1804), estetika transendental merujuk kepada pengetahuan yang berpunca daripada subjek terlebih dahulu. Istilah transendental dimaksudkan sebagai sifat keagungan, keunggulan, superlatif dan perkara yang melampaui pemahaman terhadap pengalaman biasa (Joyce M. Laurens, 2014). Kewujudan budaya *usungan kedatuan* sebagai objek warisan budaya semestinya melalui proses rasionalisme pemikiran yang kemudian mampu diterjemahkan menjadi sebuah objek visual. Penulisan ini bertujuan untuk mendalami pemikiran rasional Bajau Sama menggunakan pendekatan konsep estetik transendental di sebalik terhasilnya sebuah objek warisan budaya.

**Jadual 1**

*Pertimbangan Estetika Transendental*

<i>Priori</i>		
Persepsi	Konseptual	
Perasaan	Kognisi	Logik
Etika	Pengalaman	Daya fikir


Berdasarkan Jadual 1, pertimbangan estetika transendental mengutamakan pemahaman unsur *priori* pada objek budaya *usungan* sekaligus memahami kehendak persepsi dan konseptual. Penilaian menggunakan pemahaman estetik transendental terhadap *Usungan Kedatuan Bangsa Sama* ialah berdasarkan komponen yang menzahirkan kewujudannya sebagai objek warisan. Selain itu, pertimbangan juga bertujuan untuk mendalami asas pembentukan sebelum *usungan* diwujudkan selari dengan komponen daya fikir masyarakat terlibat. Perbincangan berkaitan perkakas budaya melibatkan tiga peringkat penilaian antaranya perasaan, kognisi dan logik. Setiap peringkat penilaian adalah berpandukan disiplin pemikiran yang mewakili pengalaman, dasar pemikiran dan etika. Untuk mengenal pasti proses perlakuan daya fikir berkaitan subjek, setiap peringkat dalam Jadual 1 perlu memenuhi kriteria pemilihan yang membentuk objek. Memandangkan tiada aspek khusus dalam pemilihan kriteria, maka pencarian berkenaan objek boleh diciptakan selagi aspek yang dirangka bersesuaian dengan ketiga-tiga peringkat pertimbangan yang telah dinyatakan.

## KOMPONEN PERKAKAS *USUNGAN KEDATUAN*

*Usungan Kedatuan* merupakan adat khusus bagi *jomo 15*, setiap perkakas budaya juga melambangkan identiti bagi setiap lapisan peringkat keturunan masyarakat Bajau Sama. Justeru, penggunaan perkakas *usungan* terhad kepada golongan berketurunan bangsawan sahaja kerana memiliki autoriti tertinggi dalam sistem hierarki masyarakat Bajau Sama. Setiap komponen tunggal perkakas *usungan* mempunyai peranan tertentu sesuai dengan keperluan *usungan* itu sendiri.

### Rajah 2

*Ilustrasi Perkakas Usungan Kedatuan Bangso Sama, Kota Belud*



Perkakas *usungan* merupakan pecahan komponen peralatan budaya Bajau Sama yang disatukan membentuk *Usungan Kedatuan* [Rajah 2 (i)*Sempangan*], [Rajah 2 (ii)*Sumbulayang*], [Rajah 2 (iii)*Payung Pejuntai*], [Rajah 2 (iv)*Bendera/kipas pacak*] dan [Rajah 2 (v)*Kerusi Usungan*]. Memandangkan masyarakat Bajau Sama mengamalkan budaya dan disiplin pemikiran yang beragama, maka gaya hidup mereka sentiasa dipengaruhi adat-istiadat dan ajaran agama sebagai panduan hidup.

### Jadual 2

*Peranan Perkakas Usungan Kedatuan*

Perkakas Budaya	Konsep
<i>Usungan</i>	Sebuah pengangkutan khusus untuk golongan <i>Kedatuan Bangso Sama</i> Kota Belud dilengkapi perkakas budaya.
<i>Payung Pejuntai/ Payung Datu</i>	<i>Payung pejuntai</i> dicipta khusus untuk kegunaan <i>Jomo Sepu Limo'</i> (Orang Lima Belas). Sebanyak lima belas helai kain berjuntai di sekeliling payung mewakili golongan <i>Jomo Sepu Limo</i> . Setiap helaian kain berjuntai mampu melindungi wajah mempelai. <i>Payung pejuntai</i> hanya boleh digunakan oleh mempelai yang berketurunan <i>Datu</i> . Sekiranya mempelai lelaki bukan berketurunan <i>datu</i> , bayaran denda sebanyak 15 pikul perlu diserahkan kepada pihak keluarga mempelai

---

	perempuan semasa menghantar berian. Jumlah denda bernilai RM20 (1 pikul) bersamaan RM300 (15 pikul). Selain majlis perkahwinan, <i>payung pejutai</i> juga digunakan ketika majlis pengebumian <i>jomo 15</i> (jenazah diusung ke tapak perkuburan menggunakan <i>payung pejutai</i> ).
<i>Sumbulayang Berlukis</i>	<i>Sumbulayang Berlukis</i> khusus untuk <i>Jomo Sepu Limo</i> berfungsi sebagai tanda berupa bendera yang dipacakkan di hadapan rumah, pintu pagar, tiang rumah atau penjuru rumah memelai perempuan. <i>Sumbulayang</i> juga dipasangkan pada hadapan <i>Usungan Kedatuan</i> . Kebiasaannya, <i>sumbulayang</i> diikat bersama batang buluh kerana bersifat lentur dan mempunyai bentuk yang lebih menarik.
<i>Sempangan Berlukis</i>	<i>Usungan</i> dihias menggunakan <i>sempangan berlukis</i> (corak dilukis pada permukaan kain <i>sempangan</i> ). <i>Sempangan berlukis</i> berbeza dengan <i>sempangan</i> biasa yang menggunakan kaedah tampalan kain untuk membentuk corak/motif.
<i>Bendira /Kipas pacak</i>	Bendira berbentuk segi tiga seperti kipas dan diletakkan pada sekeliling <i>usungan</i> . <i>Bendira</i> dipacakkan di sepanjang jalan menuju ke rumah memelai yang berketurunan <i>datu</i> , kiri atau ke kanan dari rumah pengantin sepanjang 5/10 meter (lokasi perhentian <i>Usungan Kedatuan</i> ). Diperbuat daripada kain atau kertas. <i>Jomo15</i> pula menggunakan helaian kain untuk membuat bendira.

---

Jadual 2 merupakan indikator yang menjelaskan peranan perkakas *usungan kedatuan* mengikut penilaian estetika transendental terutamanya untuk mendapatkan punca atau permasalahan berdasarkan fenomena yang berlaku di sekitar masyarakat yang dikaji. Penelitian terhadap fenomena atau situasi ialah bergantung dengan gaya hidup dan aktiviti seharian masyarakat termasuklah pemerhatian terhadap nilai-nilai hidup khususnya bagi masyarakat *bangso sama* di Kota Belud. Selain itu, setiap bahagian fenomena yang dijelaskan bergantung dengan kategori yang tersenarai dalam aspek penilaian transendental.

## PERKAKAS USUNGAN KEDATUAN SEBAGAI PERLAMBANGAN

Unsur perlambangan dalam objek budaya menunjukkan bahawa berlakunya proses pengalaman kognitif dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan keperluan mengikut logik akal. Proses pengalaman kognitif berlaku dalam lingkungan subjektif mengikut pemikiran Bajau Sama. Jadual 3 memaparkan unsur-unsur yang menjadi perlambangan bagi setiap perkakas *Usungan Kedatuan*.

**Jadual 3**

*Unsur Perlambangan Perkakas Usungan*

KOMPONEN	PERLAMBANGAN
----------	--------------

<i>Sempangan</i>	• Identiti
<i>Payung Pejuntai</i>	• Kehormatan • Darjat • Perlindungan
<i>Sumbulayang</i>	• Kehormatan • Darjat
<i>Kipas Pacak</i>	• Identiti
<i>Bangku/Kerusi Usungan</i>	• Keselesaan
<i>Ragam Hias (Motif dan Corak)</i>	• Identiti
<i>Warna</i>	• Identiti
<i>Reka Bentuk</i>	• Identiti

Berdasarkan unsur perlambangan yang dinyatakan dalam Jadual 3, setiap komponen perkakas *usungan kedatuan* melambangkan suatu keperluan dalam kehidupan seharian. Terdapat lima unsur perlambangan yang telah dikenal pasti antaranya (i) Darjat, (ii) Identiti, (iii) Kehormatan, (iv) Keselesaan dan (v) Perlindungan. Pecahan unsur perlambangan merupakan subpecahan daripada komponen-komponen yang mewakili *priori* persepsi.

**Jadual 4**

*Pemaknaan Unsur Perlambangan*

PERSEPSI		
PERASAAN	KOGNISI	LOGIK
Penilaian berdasarkan <b>etika</b> merupakan keseimbangan perasaan/empati masyarakat Bajau Sama. Etika melambangkan ketertiban dan disiplin masyarakat Bajau Sama. Antara ketertiban yang jelas adalah melalui kebolehan masyarakat dalam menentukan identiti melalui pengamatan alam sekeliling. Pengamatan terhadap sumber alam mampu menghasilkan dekorasi motif dan corak mengandungi nilai-nilai yang bersifat subjektif. Pemilihan warna kuning, hijau, biru, merah, hitam dan putih mewakili budaya Bajau Sama. Setiap warna memiliki ekspresi perasaan yang berbeza-beza.	Penilaian melalui pengalaman dalam institusi kehidupan masyarakat Bajau Sama amat mempengaruhi penggunaan <i>usungan kedatuan</i> . Terdapat tiga peringkat masyarakat Bajau Sama seperti <i>Jomo Datu, Jomo Sepu</i> dan <i>Jomo Pitu</i> . Kewujudan <i>usungan kedatuan</i> bertujuan untuk memenuhi keperluan sekaligus dapat membezakan setiap golongan masyarakat Bajau Sama.	Penilaian menggunakan <b>daya fikir</b> adalah mewakili daya pemikiran Bajau Sama dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Kebolehan membuat sebarang keputusan selari dengan logik akal telah mewujudkan objek budaya serta perkakasnya. Jelas bahawa objek budaya <i>usungan kedatuan</i> telah melalui proses daya fikir yang selari dengan permasalahan dari segi keperluan.
Antara unsur perlambangan mewakili persepsi <b>Perasaan</b> adalah identiti.	Antara unsur perlambangan mewakili persepsi Kognisi adalah Darjat dan Kehormatan.	Antara unsur perlambangan mewakili persepsi <b>Logik</b> adalah Keselesaan dan Perlindungan.

---

KONSEPTUAL

---

*Usungan Kedatuan, Sempangan, Sumbulayang, Bendera,  
Payung Pejuntai, Kerusi Usungan*

---

Berdasarkan Jadual 4 di atas, setiap pecahan persepsi Perasaan, Kognisi dan Logik mewakili unsur perlambangan yang berbeza-beza. Setiap unsur perlambangan secara tidak langsung hadir sebagai penyebab utama kewujudan *Usungan Kedatuan* serta perkakas *usungan* sebagai objek warisan budaya Bajau Sama.

**Jadual 5**

*Penilaian Peringkat Perasaan*

Persepsi	Konseptual
<p><b>Unsur Perlambangan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Identiti</li> </ul> <p>Olahan motif dan corak pada <i>sempangan berlukis</i> terhasil melalui pemerhatian rupa bentuk flora dan fauna. Bentuk perca kain mewakili bentuk daun, bunga-bunga, kulit kerang dan sisik ikan. Hasil pemerhatian terhadap haiwan tunggangan seperti kuda/lembu/kerbau juga telah menghasilkan motif berupa kuda dan tanduk lembu. Unsur alam sekitar seperti awan, langit, hujan, air dan angin turut mempengaruhi pembentukan motif dan corak. Idea warna asas merah, biru, kuning selain hitam dan putih sebagai simbol warna mewakili Bajau Sama.</p>	<p><b><i>Sempangan Berlukis</i></b></p> <p><i>Usungan</i> dihias menggunakan <i>sempangan berlukis</i> (corak dilukis pada permukaan kain <i>sempangan</i>), berbeza dengan <i>sempangan</i> biasa yang menggunakan kaedah tampalan kain untuk membentuk corak/motif. Menggunakan gabungan warna-warna budaya yang melambangkan Bajau Sama.</p>
<p>Olahan idea asal melalui kehidupan alam menghasilkan dekorasi dan olahan motif dipengaruhi rupa bentuk flora dan fauna. Corak pada bahagian tengah <i>sumbulayang</i> dipengaruhi rupa bentuk bulan dan bintang.</p>	<p><b><i>Sumbulayang</i></b></p> <p><i>Sumbulayang Berlukis</i> merupakan kain berbentuk bendera serta mempunyai hiasan corak/motif berlukis. Corak dan motif dilukis pada permukaan kain. Menggunakan warna kuning sebagai simbol kedatuan.</p>
<p>Dekorasi dan olahan motif dipengaruhi bentuk hidupan laut seperti kulit kerang, ikan, sisik ikan dan juga beberapa bentuk daun.</p>	<p><b><i>Bendera</i></b></p> <p>Berbentuk tiga segi seperti kipas dan diletakkan mengelilingi <i>usungan</i> menggunakan pelbagai warna untuk menimbulkan keharmonian.</p>
<p>Olahan motif dan corak pada <i>payung pejuntai</i> menggunakan rupa bentuk flora dan fauna. Bentuk perca kain</p>	<p><b><i>Payung Pejuntai</i></b></p> <p>Reka bentuk <i>payung pejuntai</i> berbentuk geometri dengan hiasan corak organik dan geometrik.</p>



membentuk bilahan payung mewakili bentuk daun, bunga-bunga, kulit kerang dan sisik ikan. Terdapat juga rupa bentuk seperti kuda/lembu/kerbau menjadi motif menghiasi permukaan <i>payung pejungtai</i> .	Dihiasi olahan corak pada permukaan atas dan disambungkan dengan potongan kain berukuran segi empat memanjang. Potongan kain bersambung dengan perca kain berukuran segi tiga dibiarkan berjuntai mengelilingi payung. Lazimnya, <i>payung pejungtai</i> mudah dikenali kerana mempunyai bahagian kain yang berjuntai di sekeliling payung. Menggunakan warna kuning sebagai simbol kedatuan.
Pemerhatian terhadap tumbuh-tumbuhan hutan seperti batang buluh menjadi idea pembuatan <i>kerusi usungan</i> .	<b>Kerusi</b> Diperbuat daripada kayu/buluh sebagai kerusi. Reka bentuk segi empat kerusi <i>usungan</i> mempunyai tempat sandaran dan pemegang. Terletak pada bahagian tengah kedudukan kenderaan <i>usungan</i> .

Jadual 5 memaparkan peringkat penilaian terhadap peringkat persepsi perasaan yang mewakili unsur perlambangan (ii) identiti. Peringkat penilaian ini merujuk kepada idea penghasilan motif dan corak masyarakat Bajau Sama dalam mengekalkan identiti budaya mereka. Manakala peringkat Konseptual Perasaan menghasilkan objek dengan penerangan ringkas berkaitan elemen reka bentuk dan ragam hias yang mewakili perkakas *Usungan Kedatuan*.

**Jadual 6**

*Penilaian Peringkat Kognisi*

<b>Persepsi</b>	<b>Konseptual</b>
<b>Unsur Perlambangan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Darjat / Kebesaran</li> <li>• Kehormatan</li> </ul>	
Penghormatan terhadap golongan atasan, idea asal <i>sempangan</i> sebagai hiasan/dinding <i>usungan</i> .	<b>Sempangan</b> Menghiasi bahagian badan <i>Usungan kedatuan</i> sebagai simbolik Bajau Sama.
Sifat menghormati golongan peringkat atasan ( <i>Jomo Datu</i> ) dan perbezaan darjat ditentukan melalui penggunaan dan hak milik objek budaya. Melambangkan kehormatan golongan atasan melalui peletakan <i>sumbulayang</i> di hadapan <i>usungan</i> .	<b>Sumbulayang</b> Terletak di bahagian paling hadapan <i>Usungan</i> dan berwarna kuning mewakili warna diraja.
Penghormatan terhadap golongan atasan, idea asal <i>bendira</i> sebagai iringan di sepanjang laluan dan sekeliling <i>usungan</i> .	<b>Bendira</b> Terletak di sepanjang jalan menuju kediaman mempelai. Merupakan laluan <i>usungan kedatuan</i> .
Tanda penghormatan terhadap golongan atasan. Payung membawa	<b>Payung Pejungtai</b> Hanya untuk kegunaan golongan

simbolik berfungsi sebagai dilindungi.	kehormatan sebagai 'orang' yang	kerana yang	kedatuan kerana mempunyai kain yang berjuntai. Golongan kebanyakan tidak dibenarkan menggunakan <i>payung pejuntai</i> kecuali salah seorang pasangan mempelai berketurunan datu.
Tanda perlindungan kepada golongan atasan.	penghormatan dan		<b>Kerusi</b> Merupakan tempat duduk terletak di bahagian tengah <i>usungan kedatuan</i> .

Jadual 6 memaparkan peringkat penilaian terhadap peringkat persepsi kognisi yang mewakili unsur perlambangan Darjat dan Kehormatan. Peringkat penilaian ini merujuk kepada sikap dan budaya Bajau Sama yang menghormati golongan atasan dan kewujudan *usungan kedatuan* sebagai lambang kekuasaan dan kehormatan. Manakala peringkat Konseptual Kognisi menghasilkan objek dengan penerangan ringkas berkaitan fungsi perkakas *usungan* kepada masyarakat Bajau Sama.

**Jadual 7**

<i>Penilaian Peringkat Logik</i>		
Persepsi	Konseptual	
<b>Unsur Perlambangan</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keselesaan/petunjuk</li> <li>• Perlindungan</li> </ul>		
Memberikan petunjuk berlangsungnya majlis keramaian seperti majlis perkahwinan, pertunangan dan kenduri-kendara.	<b>Sempangan</b> Terletak di sekeliling <i>usungan</i> serta berhampiran kediaman mempelai.	
Menyampaikan mesej bahawa sesuatu majlis sedang berlangsung sekiranya <i>sumbulayang</i> dipasangkan. Sebagai contohnya ialah majlis perkahwinan.	<b>Sumbulayang</b> Sebagai bendera di (1) Hadapan rumah, (2) pintu pagar, (3) tiang rumah mempelai /penjuru rumah, (4) Hujung <i>Usungan Kedatuan</i> (jomo 15). Kebiasannya <i>sumbulayang</i> diikat bersama batang buluh kerana bersifat lentur dan mempunyai bentuk yang lebih menarik.	
Memberikan petunjuk kepada pertemuan.	<b>Bendira</b> Dipasangkan pada sekeliling <i>usungan</i> dan sepanjang perjalanan menuju kediaman mempelai.	
Memberi perlindungan kepada pemakai. Mengelakkan pemakai daripada berpanas atau berhujan ketika berada di atas <i>usungan</i> .	<b>Payung Pejuntai</b> Dipakaikan kepada mempelai lelaki berketurunan <i>datu</i> ketika dihantar ke rumah mempelai perempuan.	
<b>Kerusi Usungan</b>		

Memberi keselesaan ketika berada di atas <i>usungan</i> .	Berfungsi sebagai tempat duduk mempelai lelaki ketika diarak menggunakan <i>usungan</i> menuju kediaman mempelai perempuan.
---	---

Jadual 7 memaparkan peringkat penilaian terhadap peringkat persepsi Logik yang mewakili unsur perlambangan Keselesaan dan Perlindungan. Peringkat penilaian ini merujuk kepada sikap dan budaya Bajau Sama yang begitu peka terhadap alam sekeliling terutamanya dalam menyelesaikan permasalahan. Manakala peringkat Konseptual Logik pula menerangkan peranan perkakas *Usungan Kedatuan* secara ringkas bersesuaian dengan pemahaman masyarakat Bajau Sama.

### Jadual 8

*Definisi Persepsi Berdasarkan Fenomena Empirikal*

Perlambangan Transendental	Definisi
i) Identiti	Istilah identiti melambangkan peribadi seseorang ataupun menjadi simbol kepada pembentukan sesuatu objek. Identiti dalam masyarakat Bajau Sama dikenalpasti melalui pelaksanaan adat istiadat dan budaya agar lebih mudah dikenali. Identiti juga bermaksud jati diri yang disampaikan secara perlambangan visual menggunakan pemahaman transendental. Penciptaan identiti diwujudkan melalui pemerhatian terhadap fenomena empirikal yang berulang-ulang kemudian berkembang menjadi subjek yang diutamakan. Elemen yang mencetuskan perlambangan identiti mengambil kira aspek yang melibatkan deria.
ii) Darjat	Darjat merupakan taraf kedudukan dalam masyarakat yang dipengaruhi oleh keturunan, kekayaan dan menjadi pengukur dalam aspek kehidupan. Darjat dalam masyarakat Bajau Sama diukur melalui aspek peringkat masyarakat seperti <i>Jomo Datu</i> , <i>Jomo Sepu</i> dan <i>Jomo Pitu'</i> . <i>Jomo Datu</i> turut dikenali sebagai <i>jomo 15</i> merupakan golongan yang menduduki kedudukan tertinggi dalam hierarki masyarakat Bajau Sama. Golongan <i>jomo datu</i> kebiasaannya berketurunan bangsawan yang berasal dari golongan pemimpin dan berpengaruh. <i>Jomo sepuluh</i> pula bermaksud orang sepuluh yang mewakili golongan masyarakat yang berstatus sederhana. Golongan <i>jomo sepuluh</i> menduduki peringkat pertengahan antara golongan atasan dan golongan bawahan. <i>Jomo Pitu'</i> pula bermaksud orang tujuh yang menduduki kelompok paling bawah dalam hierarki masyarakat Bajau Sama. Golongan <i>jomo pitu'</i> merupakan golongan biasa dan menjalani kehidupan sebagai petani, nelayan dan melakukan kerja buruh. Sebelumnya, terdapat juga golongan <i>jomo limo</i> atau orang lima yang berstatus sebagai hamba namun dihapuskan menjadi <i>jomo pitu'</i> sahaja. Darjat menjadi

- pengukur dalam aspek kehidupan masyarakat Bajau Sama, maka unsur perlambangan darjat disesuaikan mengikut intipati kehendak dan keperluan dalam menghasilkan objek budaya.
- iii) Kehormatan
- Istilah kehormatan melambangkan perasaan positif yang ditonjolkan melalui perbuatan seseorang terhadap orang lain. Kehormatan atau penghormatan merupakan sebuah penghargaan terhadap seseorang yang telah berjasa. Perlakuan ini berlaku dalam kalangan masyarakat majmuk dengan penerapan nilai-nilai murni dalam hidup. Kehormatan berdasarkan pertimbangan transendental dalam kajian ini menunjukkan perlakuan golongan bawahan terhadap golongan atasan adalah melambangkan penghormatan atas faktor kekuasaan, darjat serta keturunan yang dimiliki oleh orang atasan. Selain itu, adat dan budaya juga mencetuskan faktor kewujudan perlakuan kehormatan kerana masyarakat telah terdidik secara alami untuk taat kepada golongan atasan jika tidak mahu ditimpa *tulah* atau *ketulahan* yang bermaksud perkara malang akibat tidak menuruti pantang larang. Justeru, objek warisan budaya *usungan kedatuan* cenderung melambangkan pengangkutan bagi golongan *jomo datu* sahaja kerana dicipta atas faktor penghormatan.
- iv) Keselesaan
- Istilah keselesaan adalah sebuah kesenangan yang dirasakan ketika berada dalam sesuatu tempat. Selesa juga merujuk kepada kesenangan yang terbit melalui akal fikiran dan dirasakan secara fizikal bergantung dengan fenomena atau situasi yang dialami. Berdasarkan kajian perlambangan transendental dalam objek warisan budaya *usungan kedatuan*, keselesaan merujuk kepada ikemudahan (perkakas *usungan*) yang disediakan bagi tujuan memenuhi keperluan transendental.
- v) Perlindungan
- Istilah perlindungan dalam konteks umum bermaksud sebuah keadaan yang selamat daripada sebarang ancaman secara fizikal dan mental. Berdasarkan kajian perlambangan transendental dalam objek warisan budaya, perlindungan merujuk kepada perkakas *usungan kedatuan (payung pejutai)* yang berfungsi untuk berlindung dari cuaca panas atau sebaliknya. Fenomena yang mendasari elemen perlindungan dikaitkan dengan tanggungjawab ketua keluarga menyediakan tempat tinggal (rumah tradisi) yang selesa dan selamat.
-

Jadual 8 merupakan definisi Persepsi yang diambil melalui fenomena empirikal. Berdasarkan definisi yang dihuraikan mengikut fenomena empirikal, pemahaman terhadap unsur yang dipertimbangkan lebih mudah difahami. Kategori yang disenaraikan di bawah perlambangan transendental merupakan situasi yang berupa permasalahan, pertimbangan, pemerhatian dan pengalaman yang berjaya dikenalpasti. Setiap kandungan perlambangan transendental ditandai sebagai Identiti, Darjat, Kehormatan, Keselesaan dan Perlindungan. Justeru, kelima-lima unsur perlambangan secara tidak langsung hadir sebagai penyebab utama kewujudan *Usungan Kedatuan* serta perkakas *usungan* sebagai objek warisan budaya Bajau Sama.

## KESIMPULAN

Penilaian menggunakan estetika transendental menjelaskan bahawa setiap aspek yang mewujudkan objek warisan budaya adalah melalui pemerhatian dan norma hidup masyarakat terutamanya dari aspek pengalaman, dasar pemikiran dan etika yang berlaku dalam masyarakat Bajau Sama itu sendiri. Penilaian *priori* terhadap peringkat persepsi Perasaan, persepsi Kognisi dan persepsi Logik masing-masing merumuskan unsur perlambangan yang berlainan. Unsur perlambangan yang mewakili persepsi Perasaan ialah perlambangan Identiti, merujuk kepada idea penghasilan motif dan corak tradisi. Peringkat persepsi Kognisi pula mewakili unsur perlambangan Darjat dan Kehormatan, merujuk kepada sikap dan budaya Bajau Sama yang menghormati golongan atasan. Manakala penilaian terhadap peringkat persepsi Logik yang mewakili unsur perlambangan Keselesaan dan Perlindungan pula merujuk kepada sikap dan budaya Bajau Sama yang peka terhadap alam sekeliling terutamanya dalam menyelesaikan permasalahan. Berdasarkan keseluruhan penilaian, jelas menunjukkan bahawa semua keperluan mewakili perlambangan adalah subjek utama sesuai dengan pendekatan teori Emmanuel Kant. Sesuai dengan pengertian teori transendensi Emmanuel Kant, permulaan pada sebuah representasi wujud melalui pengalaman iaitu kepekaan terhadap objek yang mempengaruhi sensitiviti seseorang sehingga menghasilkan sebuah penilaian. Manakala sesuatu yang bersifat transendental memupuk kepada melahirkan sebuah 'pengetahuan transendental'. Kategori-kategori dalam pertimbangan transendental adalah syarat keputusan sintesis *priori* pengetahuan ke arah memahami dan menjelaskan sesebuah ilmu pengetahuan. Pengetahuan transendental adalah kemampuan daya fikir dalam menterjemahkan pembentukan sebuah objek dan bukan sekadar pengetahuan tentang objek semata-mata. Justeru, penilaian estetika transendental sememangnya dapat menjelaskan kewujudan unsur perlambangan yang terkandung dalam objek warisan budaya tradisional.

## RUJUKAN

- Asmiaty Amat dan Lokman Abd Samad. (2019). Pelamin masyarakat Iranun di Daerah Kota Belud, Sabah. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 164-180. <https://doi.org/10.51200/jkob.vi.2196>
- Humin Jusilin. (2014). *Reka bentuk pasandalan dan pamnaie sebagai lambang adat perkahwinan masyarakat Iranun*. *Jurnal Gendang Alam*, 4, 78.
- Humin Jusilin & Salbiah Binti Kindoyop. (2015). Reka Bentuk Dan Hiasan Linangkit Pada Pakaian Tradisional Dusun Lotud Di Tuaran. *Jurnal Gendang Alam*, 5. <https://doi.org/10.51200/ga.v5i.16>

- Md. Nasir Ibrahim. (2006). *Estetik Dalam Pendidikan Seni Visual “Sedikit-Sedikit Lama-Lama Menjadi Bukit”*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 35-48.
- Mohd. Johari Ab. Hamid et.al. (2006). *“Metodologi Pendidikan Seni Visual”*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Johari Ab. Hamid. (2006). *Peranan Apresiasi dan Kritikan Seni Visual*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 61- 68.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab. (2014). *Undang-undang Adat: Tafsiran Awal Terhadap Indikator Sosial Bajau*. Dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali. Warisan Budaya Sabah (Etnisiti dan Masyarakat). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Norhayati Ayob & Humin Jusilin. (2016). Nilai Estetika Dalam Penghasilan Rekaan Seramik Kontemporari Berinspirasi Motif Etnik Borneo. *Jurnal Gendang Alam*, 6.
- Radik Taim. (2014). *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Bajau Sama*. Dalam Panel Penulis. Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhendra Prawirawidjaja. (2019). *Studi Fenomenologi Mengenai Komunikasi Nonverbal Visual dalam Mengekspresikan Diri oleh Pelukis Wanita*. IWPI Jabar. Universitas Pdjadjaran.